

Newspaper	Berita Harian
Date	4 March 2016



Najib diiringi Panglima Wilayah Utara Arab Saudi, Mejar Jeneral Fahd Al-Mutairi (kanan) ketika tiba di Lapangan Terbang Bandar Tentera Raja Khalid, Riyadh. Yang turut serta Hishammuddin dan Jamil Khir. BH- 4/3/2016 (FOTO BERNAMA)

Latihan perang gurun manfaat ATM

Datuk Seri Najib Razak berkata, penyertaan Angkatan Tentera Malaysia dalam latihan ketenteraan di utara Arab Saudi dapat meningkatkan kemampuan pasukan itu.

Perdana Menteri berkata, latihan ketenteraan 'Thunder of the North' bersama 19 negara termasuk Arab Saudi yang mengetuainya, mendedahkan pasukan itu kepada peperangan bentuk lain.

Katanya, oleh kerana ancaman sekarang boleh datang dalam pelbagai sudut, penyertaan dalam latihan itu membolehkan ATM mempunyai kemampuan untuk bergerak dan bertindak dalam persekitaran yang berbeza.

"Contohnya, ATM yang ada kemampuan dalam peperangan di hutan, dapat meningkatkan kebolehan dalam peperangan padang pasir dan bandar," katanya.

Petang kelmarin, Perdana Menteri melawat anggota ATM yang menjalani latihan di Hafar Al Batin.

Atasi ancaman dunia Islam
Najib berkata, penyertaan Malaysia sebagai sokongan terhadap usaha mewujudkan keselamatan dan bersama tangani sebarang ancaman terhadap dunia Islam.

Katanya, ia juga sebagai satu bentuk solidariti dalam kala-

ngan negara Islam.

"Sebelum ini, penyertaan Malaysia dalam latihan ketenteraan membabitkan negara bukan Islam seperti Peraturan Pertahanan Lima Negara (FPDA) serta negara dalam ASEAN.

"Arab Saudi amat penting kepada umat Islam. Oleh kerana itu kita perlu berikan segala sokongan dan satu daripada caranya ialah menyertai latihan itu," katanya.